

# PENERAPAN AKHLAK ISLAMIAH DALAM P&P GURU MATEMATIK DI DAERAH KULAIJAYA, JOHOR: SATU KAJIAN RINTIS (ISLAMIC MORALS APPLICATION IN THE TEACHING AND LEARNING OF MATHEMATICS TEACHERS IN DISTRICT KULAIJAYA, JOHOR: A PILOT STUDY)

Hilman Muhamad  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Muhamad, H. & Jasmi K. A. (2013). Penerapan Akhlak Islamiah dalam P&P Guru Matematik di Daerah Kulaijaya, Johor: Satu Kajian Rintis (Islamic Morals application in the teaching and learning of Mathematics Teachers in District Kulaijaya, Johor: A Pilot Study) in *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13] (Proceedings of the First Seminar on Islamic Education and Research [SePPIM'13])* at The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization on 17-18 September 2013, p. 502-521. ISBN: 978-967-12085-0-2.

## ABSTRACT

Penulisan ini bertujuan membincangkan jenis-jenis akhlak Islamiah yang diterapkan oleh guru matematik dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Kajian rintis ini melibatkan temu bual bersama seorang guru matematik daerah Kulaijaya. Hasil temu bual ini kemudian disusun tadbir dengan program NVivo versi 7.0 untuk menghasilkan tema dan jadual matriks berkaitan dengan jenis-jenis akhlak Islamiah yang diterapkan dalam P&P guru matematik di dalam kelas. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa jenis akhlak Islamiah yang dapat diterapkan dalam P&P guru matematik iaitu memberi salam, menghormati manusia, senyum, menjaga kebersihan, menahan marah, jimat cermat, bersungguh-sungguh, memberi pujian, galakan amalan positif, meninggalkan amalan negatif dan mengasihi manusia.

## REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri. (2000). A Study Of The Students' Knowledge Of *Akhlak* In The Malaysian Secondary Schools (With Special Reference to the Islamic Education ICSS). Thesis Doctor Of Philosophy, Department of Theology School of Historical Studies, United Kingdom: University of Birmingham.
- Abdullah Nasih 'Ulwan. (2008). *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Amr Khaled. (2012). *Buku Pintar Akhlak* (Terj. Fauzi Faisal Bahreisy). Indonesia: Zaman.
- Asmawati Suhid. (2007). "Pengajaran Adab dan Akhlak Islam dan Pembangunan Modal Insan" dalam *Jurnal Pusat Pengajian Umum*, 8 Disember. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia. 167-178.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, dan Nurul Ezzati Azizi. (2012). *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja: Punca dan Rawatan*. Johor: UTM Press.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin, dan Za'aba Helmi Khamisan. (2008). "Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti" dalam *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. 22-23 Oktober. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Ghazali Basri. (2012). *Falsafah Pendidikan Islam: Huraian, Konsep dan Aplikasi*. Brunei Darussalam: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.
- Jamal Abdurrahman Ismael. (2013). *Pendidikan dan Psikologi Rasulullah SAW* (Terj. Harun Arrasyid Haji Tuskan dan Abu Azka al-Madani). Selangor: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi bin Jasmi dan Siti Fauziyani bt. Md.Saleh@Masrom. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi bin Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*.

- Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Leu Yuh-chyn. (1999). "The influences of Buddhism on an Elementary Mathematics Teacher's Professional Development" in *Proceedings of the 1999 International Conference on Mathematics Teacher Education*. Taipei, National Taiwan Normal University, 332 - 353.
- Lim Chap Sam and Paul Ernest (1997). "Values in mathematics education: what is planned and what is espoused?" In British Society for Research into Learning Mathematics (BSRLM), *Proceedings of the Day Conference*. University of Nottingham, 1 March. 37 - 44.
- Mohd Syarifudin Abdullah dan Hazman Hassan. (2010). "Keberkatan Ilmu : Teras Kecemerlangan Ilmu Dalam Pembinaan Pendidikan Islam" dalam Persidangan Serantau Pendidikan Islam (PSPi 2010). 24 - 25 Julai. Universiti Pendidikan Sultan Ismail. Hotel Holiday Inn, Shah Alam, Selangor.
- Mohd. Noor Azli b. All Khan (2003) Graduan berakhlak mulia dan beretika pemangkin generasi madani. *Jurnal Kemanusiaan*, 2 (2003). 20 - 33.
- Nor Azizah Salleh, Siti Rahayah Ariffin dan Musa Daia (2001). Penerapan Nilai Murni Melalui Pembelajaran-Kooperatif dalam Sains. *Jurnal Pendidikan* 27 (2001). 47 - 57.
- Nor Baizura Abdul Wahab. (2012). *Temu bual bersama Nor Baizura Abdul Wahab Guru Matematik Menengah Rendah*. "Penerapan nilai dan akhlak Islamiah dalam P&P guru". Bilik Guru. 03 April 2012.
- Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh, Ab. Halim Tamuri. (2012). "Kepentingan Pengetahuan Pedagogikal Kandungan Dalam Pengajaran Ibadah" dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI 2012)*. Brunei Darussalam: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.
- Pat Cox, Thomas Geisen dan Roger Green. (2008). *Qualitative Research and Social Change*. United Kingdom: Palgrave Macmillan.
- Sharan B. Merriam. (2002). *Qualitative research in practice; example for discussion and analysis*. California; John Wiley & Sons, Inc.
- Wan Zah Wan Ali, Sharifah Kartini Said Husain, Habsah Ismail, Ramlah Hamzah, Mat Rofa Ismail, Mohd. Majid Konting dan Rohani Ahmad Tarmizi. (2005). "Kefahaman Guru Tentang Nilai Matematik" dalam *Jurnal Teknologi*. Universiti Teknologi Malaysia. 43 (E). 45 - 62.

# **PENERAPAN AKHLAK ISLAMIAH DALAM P&P GURU MATEMATIK DI DAERAH KULAIJAYA, JOHOR: SATU KAJIAN RINTIS**

Hilman bin Muhamad

Kamarul Azmi bin Jasmi

## **ABSTRAK**

*Penulisan ini bertujuan membincangkan jenis-jenis akhlak Islamiah yang diterapkan oleh guru matematik dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Kajian rintis ini melibatkan temu bual bersama seorang guru matematik daerah Kulaijaya. Hasil temu bual ini kemudian disusun tadbir dengan program NVivo versi 7.0 untuk menghasilkan tema dan jadual matriks berkaitan dengan jenis-jenis akhlak Islamiah yang diterapkan dalam P&P guru matematik di dalam kelas. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa jenis akhlak Islamiah yang dapat diterapkan dalam P&P guru matematik iaitu memberi salam, menghormati manusia, senyum, menjaga kebersihan, menahan marah, jimat cermat, bersungguh-sungguh, memberi pujian, galakan amalan positif, meninggalkan amalan negatif dan mengasahi manusia.*

## **PENDAHULUAN**

Islam adalah agama yang lengkap dan bersifat komprehensif sesuai dengan setiap zaman dan waktu. Allah swt telah menyempurnakan Islam untuk orang yang beriman (Surah al-Maidah 5:3) sehinggakan manusia tidak perlu kepada sebarang penambahan dalam urusan agama (Ibn Kathir (2000)). Begitu juga halnya dengan akhlak Islamiah, Allah SWT telah mengutus Nabi saw untuk menunjukkan akhlak dalam kehidupan Baginda untuk dimafaatkan oleh semua manusia bagi menjalani kehidupan di dunia. Keindahan akhlak Baginda dipuji oleh Bara' ra sebagaimana dalam hadis Riwayat Muslim, "*Rasulullah saw adalah seorang yang berwajah paling tampan, berakhlak paling indah, perawakannya tidak tinggi dan tidak pula gemuk pendek*". Menyedari hal ini, sebagai guru muslim seharusnya menggunakan peluang ketika menyampaikan P&P dalam kelas menerapkan akhlak-akhlak yang mulia sebagaimana menurut Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) dan Ghazali Basri (2012) guru adalah *muaddib*, iaitu pembentuk tingkah laku dan akhlak. Justeru, guru matematik juga tidak ketinggalan dalam menjalankan tugas ini.

## **TUJUAN MEMPELAJARI AKHLAK**

Bidang pendidikan merupakan suatu elemen penting negara yang akan melahirkan modal insan yang akan memacu negara ini ke arah keredhaan Allah SWT. Hal ini

diperakui sendiri oleh Allah SWT yang menjanjikan keberkatan dan rezeki yang melimpah ruali sekiranya penduduk sesebuah negeri atau negara beriman kepada Allah SWT (Surah al-A'raf 7:96). Bagi mencapai pada kedudukan ini, semua guru yang menyedari akan hal ini perlu memainkan untuk membimbing dan membentuk pelajar berakhlak dengan akhlak mulia. Martabat manusia akan meningkat dan gemilang hanya dengan akhlak yang benar (Noor Azli, 2003).

Amr Khaled (2012) menyenaraikan empat tujuan manusia mempelajari akhlak iaitu, (1) akhlak merupakan tujuan sebenar Nabi saw diutuskan, (2) menyempurnakan jurang antara akhlak dan ibadah, (3) beramal dengan akhlak, (4) tidak menyesatkan manusia dengan akhlak yang buruk. Justeru, dengan mempelajari serta menerapkan akhlak dalam diri pelajar akan mewujudkan sebuah masyarakat yang dapat membina keluruhan peribadi serta tamadun. Menurut Baharom *et. al* (2008), akhlak yang mulia menjadi penggerak kepada kemajuan dan kesempunaan hidup, namun dengan akhlak yang buruk akan memusnahkan ketinggian nilai kemanusiaan.

## **LATAR BELAKANG MASALAH**

Beberapa masalah yang terdapat dalam pendidikan negara ini terutamanya oleh para guru termasuklah kurang menerapkan nilai-nilai murni dalam P&P. Kajian Ab. Halim (2000), mendapati guru Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Geografi dan Pendidikan Lukisan sangat rendah kekerapannya dalam menerapkan nilai-nilai murni dalam P&P berbanding guru-guru matapelajaran yang lain. Hal ini berlaku disebabkan kekurangan latihan dan kefahaman di kalangan guru-guru mata pelajaran tersebut tentang apakah nilai murni yang boleh diterapkan semasa pengajaran. Nor Azizah *et. al.* (2001), turut menyebut bahawa penerapan nilai murni berada di tahap belum memuaskan berasaskan masalah disiplin yang dilaporkan oleh para penyelidik dan akhbar tempatan. Pandangan turut ini disokong oleh Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, (2007) bahawa masalah keruntuhan akhlak remaja semakin parah.

Menurut Nur Hanani *et. al* (2012), guru hari ini tidak mempraktikkan kaedah dan teknik-teknik P&P yang disarankan supaya dapat menghabiskan sukatan pelajaran akibat tekanan peperiksaan. Dalam membincangkan perkara ini, menurut Nor Baizura (2012) 'sindrom mengejar silibus' untuk persediaan peperiksaan oleh pihak sekolah tentulah akan membantutkan usaha guru-guru matematik untuk menerapkan akhlak Islam dalam kalangan para pelajar mereka. Hari ini didapati ada guru-guru mengajar tanpa langsung menerapkan nilai murni atau akhlak Islamiyah di dalam P&P mereka. Jika pun ada, kita dapati impak yang diterima pelajar berada pada tahap minimum. Kesannya, situasi ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada kualiti P&P guru matematik dan seterusnya kaedah dan teknik P&P

yang mereka pelajari ketika berada di pusat pengajian tinggi dahulu tidak dapat diaplikasikan kepada para pelajar mereka secara maksimum. Hal ini para guru perlu menambah pengetahuan yang boleh membantu mereka menerapkan akhlak Islamiah dalam P&P sama ada melalui pembacaan, wacana, perbincangan dengan rakan-rakan atau menghadiri majlis ilmu.

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan untuk menentukan akhlak Islamiah yang boleh diterapkan dalam P&P guru matematik. Oleh itu persoalan kajian ini ialah Apakah jenis akhlak Islamiah yang boleh diterapkan dalam P&P guru matematik?

## **KAJIAN KEPUSTAKAAN**

Menurut Mohd Syariefudin dan Hazman (2010), dalam Islam pendidikan sangat penting bagi menghubungkan proses belajar dan mengajar. Ilmu yang diperolehi seharusnya menuntun manusia beriman kepada Allah SWT. Semakin bertambah ilmu pengetahuan semakin bertambah takut kepada Allah S.W.T (Surah Fathir, 35:28). Justeru, ilmu yang dipelajari oleh seseorang hendaklah ilmu yang dapat memberi faedah dan Allah S.W.T. akan menambahkan kepadanya ilmu yang lain.

Jika diperhatikan kepada kajian yang telah dilakukan oleh Leu (1999) yang mengkaji bagaimana ajaran Buddha dapat mempengaruhi pembangunan guru matematik yang profesional dalam *'The influences of Buddhism on an elementary mathematics teacher's professional development'*. Metodologi yang digunakan adalah kajian kualitatif melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Hasil kajiannya dibahagi kepada tiga bahagian. Pertama konsep yang ditengahkan oleh peserta kajian pengkaji ialah 'pengetahuan pelajar melalui buku' diubah kepada 'mengajar pelajar untuk berkelakuan baik'. Pendekatan pengajaran peserta kajian daripada mengajar pelajar untuk mempelajari isi kandungan kurikulum kepada membongkar kebijaksanaan dan membaik pulih sifat semulajadi pelajar kepada jalan yang benar. Kedua, peserta kajian membuat perubahan yang besar dalam kaedah dan gaya P&P beliau berdasarkan fahaman Buddha dan kurikulum. Ketiga, konsep Buddha yang menekankan kepada 'perubahan tingkah laku seseorang bergantung kepada kefahamannya' menyebabkan peserta kajian tidak menerima pembelajaran secara berkumpulan walaupun terdapat dalam kurikulum. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan peserta kajian selesa mengajar matematik dengan menerapkan unsur agama Buddha. Bagi beliau amat mudah menerapkan nilai Buddha di dalam P&P matematik.

Manakala kajian Lim Chap Sam dan Paul Ernest (1997) dari Universiti Exeter, United Kingdom membandingkan nilai yang tersurat dan tersirat dalam kurikulum matematik dengan persepsi guru-guru matematik di Malaysia terhadap nilai yang

sesuai diajar melalui matematik. Pengkaji melihat adakah terdapat guru matematik yang mengaplikasikan 16 nilai murni yang telah digariskan oleh KPM dalam P&P matematik di semua peringkat. Kajian yang dilakukan adalah dengan menggunakan soalan terbuka (*open-ended question*) kepada guru matematik peringkat sekolah, iaitu peringkat tadika, sekolah rendah dan menengah. Daripada kajian tersebut, didapati guru matematik tidak mampu menerapkan kesemua nilai murni yang digariskan dalam P&P mereka. Sebahagian dari mereka hanya menekankan kepada nilai berhati-hati, tegas dan membezakan di sepanjang P&P mereka. Manakala nilai seperti keberkesanan, ketepatan, tanggungjawab, dan analitik jarang disebut oleh guru. Di akhir perbincangan, pengkaji mempersoalkan adakah terlalu sukar untuk guru matematik menerapkan nilai murni di dalam P&P. Sedangkan nilai seperti kebebasan, kasih sayang, rendah diri, serta kebersihan fizikal dan mental ada dalam nilai-nilai murni KPM. Mereka mencadangkan agar ada satu kajian yang dapat mendalami kewujudan nilai tersebut dalam P&P matematik.

Melalui kajian yang dibuat oleh Asmawati Suhid (2007) dalam tajuk '*Pengajaran Adab & Akhlak Islam dan Membangunkan Modal Insan*' menyentuh kepada perlunya pemupukan akhlak dalam kalangan remaja yang merupakan pemangkin peradaban ummah dan seterusnya bakal memberi sumbangan kepada pembangunan modal insan. Beliau juga menghalusi permasalahan yang berkaitan dan cadangan penyelesaiannya. Beliau menekankan pendidikan perlu menanam perangai yang baik dalam diri kanak-kanak supaya mereka dapat mengenal yang benar dan salah. Kajian ini juga menyatakan bahawa nilai akhlak dan moral dalam pendidikan telah diakui oleh semua masyarakat sejak zaman Greek. Sekiranya sekolah sarat dengan nilai dan guru sebagai agen moral, maka sekolah dan pendidikan merupakan wadah yang boleh memainkan peranan dalam memupuk akhlak mulia dan membangunkan modal insan yang berakhlak.

Satu kajian yang dilakukan oleh Azizi et. al. (2007) bertajuk '*Pendidikan Agama, Keseimbangan Kognitif dan Tingkah Laku Positif di Kalangan darjah Pelajar Darjah Khas Sekolah Agama di Johor Bahru*' mendapati bahawa pendidikan agama secara formal dalam kalangan peserta kajian berada pada tahap yang tinggi. Manakala pendidikan agama secara informal, keseimbangan kognitif, dan tingkah laku positif peserta kajian pula berada pada tahap yang sederhana. Kajian ini juga telah membuktikan tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara pendidikan agama secara formal dan informal dengan keseimbangan kognitif. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara keseimbangan kognitif dengan tingkah laku positif. Kajian ini akhirnya merumuskan bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara keseimbangan kognitif dengan tingkah laku positif dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan diatas, penyelidik merasakan perlu ada suatu kajian yang khusus untuk menentukan apakah akhlak Islamiah yang guru matematik boleh terapkan ketika menjalankan aktiviti P&P mereka. Semoga dengan P&P mereka akan melahirkan manusia atau pelajar berakhlak mulia yang berada dalam masyarakat Malaysia.

## METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini membincangkan metodologi yang diguna pakai dalam kajian ini. Bagi mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian rintis ini, kajian ini merupakan kajian kes yang mengambil pendekatan kualitatif. Teknik utama mengumpul data adalah temu bual separa berstruktur sebagai kaedah utama (Merriam, 2002; Pat Cox *et. al.*, 2008). Kajian rintis ini juga mengambil reka bentuk kajian pelbagai kes dengan mengikut pendekatan yang digunakan oleh Kamarul Azmi (2010) dengan sedikit pengubahsuaian mengikut kesesuaian situasi pengkaji yang mengkaji P&P guru matematik.

Kajian rintis ini memilih seorang peserta untuk ditemubual bagi menentusahkan apakah terdapat keselarasan antara jawapan terhadap soalan yang dikaji oleh pengkaji dengan objektif yang dibina. Peserta yang dipilih adalah seorang guru matematik sekolah menengah rendah daerah Kulajaya, Johor. Ciri-ciri guru yang dipilih adalah, (1) berpengalaman mengajar lebih lapan tahun, (2) beragama Islam yang mempunyai personaliti sebagai *dai*, berperibadi mulia, suka memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada pelajar. Hasil temubual ini dipindahkan dalam bentuk transkrip dan diurus tadbir data tersebut untuk mendapatkan tema dapatan kajian dengan bantuan program NVivo 7.0.

## DAPATAN KAJIAN

Penyelidik telah mendapatkan tema kajian dan didapati bahawa guru matematik telah menerapkan akhlak Islamiah dalam P&P. Dapatan data adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1 Jenis Akhlak Islamiah yang Diterapkan dalam P&P Guru Matematik Tema

|                     | Kod  |
|---------------------|--|
| Menghormati manusia | Menghormati orang lebih tua Panggil pelajar gelaran baik Tidak buang sampah hadapan <i>cleaner</i> Guru hormat pelajar |
| Sabar               | Menjaga tutur kata Tidak memaki hamun Tidak menengking <u>Perkataan yang baik</u>                                      |

|                         |   |
|-------------------------|---|
| Utamakan kebersihan     | Kutip sampah dari kelas Diri<br>bersih Diri kemas<br><u>Sifat peribadi</u> _____<br>Pakaian kemas |
| Kekemasan               | <u>Baju dimasukkan ke dalam seluar</u><br>Guru memulakan salam <u>Pelajar</u>                     |
| Menyebarkan salam       | <u>memberi salam</u>  |
| Jimat Cermat            | Ayat motivasi <u>Tayang</u><br><u>video motivasi</u>  |
| Keazaman menuntut ilmu  | Menyimpan <u>Hemah berbelanja</u>   |
| Amalan positif          | Dalam kehidupan harian<br><u>Meninggalkan perbuatan negatif</u>                                   |
| Kasihi manusia          | Kasihian belas <u>Empati</u><br>Jaga perkataan  |
| Memelihara tutur kata   | <u>Pilih perkataan yang baik</u><br><u>Guru senyum kepada pelajar</u>                             |
| Senyum<br><u>Pujian</u> | <u>Pujian positif</u>   |

Berdasarkan Jadual 1 tersebut, didapati guru menerapkan menghormati manusia, sabar, utamakan kebersihan, kekemasan, menyebarkan salam, jimat cermat, keazaman menuntut ilmu, membanyakkan amalan positif, mengasihi manusia, memelihara tutur kata, senyum dan memberikan pujian. Semua akhlak Islamiyah yang disenaraikan adalah merupakan perkara yang boleh dijadikan asas kehidupan pelajar apabila hidup di dalam kelompok masyarakat, samada di luar dan dalam persekitaran sekolah.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Dalam hal yang berkaitan dengan menghormati manusia, guru menekankan agar pelajar perlu menghormati orang lebih tua dengan memberikan contoh atau kisah yang boleh dijadikan iktibar, "*soya selalu menanam perasaan kasihan dan menghormati 'cleaner' sekolah. Dari situ mereka akan belajar menghormati orang tua*" ujar beliau. Bagi menanamkan rasa penghormatan kepada manusia, amalan memanggil pelajar dengan nama atau gelaran yang baik amat digalakkan, seperti memanggil pelajar dengan panggilan '*Engineer*' atau sebagainya. Perkara ini dibolehkan selagi pelajar tersebut menyukai nama panggilan sebegitu. Menurut pandangan Jamal (2013) bahawa memanggil pelajar dengan gelaran yang baik dan positif diharapkan akan bertambah motivasi, menguatkan jiwa, serta lebih menyayangi guru. Bahkan dapatan kajian ini juga turut menyokong pandangan tersebut. Guru juga menerapkan kepada pelajar agar menjaga persaan manusia dengan menasihatkan tidak membuang sampah di hadapan pekerja sekolah. Disamping itu, guru juga menunjukkan sikap menghormati pelajar sebagaimana



kata-kata beliau, *"saya sentiasa menganggap mereka sebagai dewasa" dan "kalau kita menghormati mereka, mereka akan menghormati kita"*.

Guru perlu menunjukkan sikap sabar yang tinggi apabila berhadapan dengan pelajar yang pelbagai latar belakang dihadapannya. Sikap sabar ini ditunjukkan dengan menjaga tutur kata, serta mengawal perasaan. Kebiasaannya apabila hilang sabar, seseorang itu akan mengeluarkan kata-kata yang kasar, maki hamun dan menengking. Perkara ini perlu dielakkan sama sekali oleh guru matematik.

Kebersihan dapat diterapkan dalam P&P guru matematik dalam dua hal, iaitu kebersihan kelas dan kebersihan peribadi. Kebersihan kelas perlu diuruskan sepanjang berlangsungnya P&P, guru boleh memberi arahan kepada pelajar membuang sampah di lantai kelas dan membuangnya ke dalam tong sampah yang disediakan. Selain itu, guru lebih selesa memastikan pelajar bersih dan kemas sebelum memulakan P&P. Menurut beliau, *"jika kita pembersih, kita cuba pastikan pelajar kita jadipembersih"*. Selain kebersihan, guru juga mengutamakan kekemasan dalam berpakaian dengan memastikan pelajar lelaki memasukkan baju ke dalam seluar. Perkara ini juga merupakan adab pelajar dengan guru.

Berkenaan hal menyebarkan salam, amalan guru adalah memulakan salam dahulu apabila mula memasuki kelas. Guru yang mendahulukan salam ketika masuk ke kelas amat dituntut dan hal ini bersesuaian dengan amalan akhlak Islamiah yang disebut oleh Nasih 'Ulwan (2008) dan Jamal (2013) yang menyebut bahawa guru harus memulakan salam kepada anak-anak. Bagi pelajar yang lewat masuk ke kelas sewaktu guru sedang mengajar, beliau meminta pelajar tersebut agar memberi ucapan salam kepada yang berada di dalam kelas berkenaan.

Bagi topik yang berkaitan, guru menerapkan akhlak berjimat cermat. Umpamanya dalam topik Integer, guru mengaitkan simbol negatif dengan berhutang dan simbol positif dengan menyimpan. Hal ini guru menasihatkan pelajar supaya berjimat dengan wang yang diperolehi dan elakkan berhutang. Topik ini juga guru mengaitkan dengan perbuatan baik dengan nilai positif dan perbuatan buruk dengan nilai negatif. Oleh itu, beliau seringkali mengingatkan pelajar agar sentiasa membanyakkan perbuatan positif berbanding perbuatan negatif.

Bagi menambah keazaman menuntut ilmu kepada pelajar, guru adakala menayangkan video motivasi dalam P&P. Menurutnya, *"kadang-kadang dalam motivasi juga sebenarnya boleh mencetuskan akhlak"*. Selain menggunakan video sebagai pencetus akhlak Islamiah, guru juga sebelum P&P memberikan ayat motivasi kepada pelajar pada setiap hari dengan harapan mereka lebih bersemangat untuk belajar pada hari tersebut.

Akhlak mengasihi manusia juga dapat diterapkan dalam P&P matematik dengan menanamkan perasaan kasihan belas dan empati. Hal ini dirujuk sebagaimana kata beliau, "*Kalau ada pelajar saya tidak hadir, saya akan meminta kawan-kawan mereka yang hadir untuk membantu menyampaikan apa-apa latihan dan tugas yang saya berikan, agar pelajar yang tidak hadir tersebut tidak ketinggalan*".

Guru juga menerapkan akhlak dengan berhati-hati memilih perkataan ketika berhadapan dengan pelajar. Menggunakan perkataan kasar atau yang tidak baik perlu dielakkan walaupun ketika marah. Senyum merupakan amalan yang sangat mudah diterapkan dalam P&P guru matematik. Perbuatan ini bukan sahaja menyenangkan, malah menjadikan pelajar rapat dengan guru. Akhirnya, guru perlu kreatif dalam pujian kepada pelajar. Hal ini sangat penting untuk menjadikan pelajar merasakan kehadiran mereka ke sekolah disedari dan dianggap penting oleh guru. Guru perlu mencari kebaikan dan kemahiran pelajar yang istimewa untuk dipuji sebagaimana kata-kata guru ini, "*Saya akan puji dia walaupun dia tidur, apabila dia bangun saya akan minta dia bercerita tentang kereta yang dia baiki sebelum datang ke sekolah, dan saya memujinya kerana hanya dia sahaja yang ada kemahiran membaiki kereta*". Namun, pujian yang diberi adalah pujian positif.

## IMPLIKASI DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, pengkaji menghasilkan satu model yang dinamakan Model Akhlak Islamiyah dalam P&P Guru Matematik (MAIM). Model ini digambarkan sebagaimana dalam Rajah 1.



Rajah 1 : Model Akhlak Islamiyah dalam P&P Guru Matematik (MAIM)

Berdasarkan Rajah 1 diatas, kesemua akhlak Islamiyah yang disenaraikan boleh diterapkan dalam P&P guru matematik. Namun, guru perlu menggunakan

kebijaksanaan dalam mengaplikasikannya tanpa terikat dengan masa, tempat dan persekitaran.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kajian rintis ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan serta perbincangan kajian kes akhlak Islamiah dalam P&P guru matematik. Hasil pola dapatan kajian dapat menghasilkan Model Akhlak Islamiah dalam P&P Guru Matematik (MAIM) yang terdapat dalam implikasi kajian ini. Justeru, guru matematik perlu mengambil perhatian agar P&P mereka dapat menerapkan akhlak Islamiah agar dapat melahirkan pelajar yang bukan sahaja berjaya menyelesaikan masalah matematik, bahkan mereka dapat mengamalkan akhlak mulia sebagaimana yang dituntut dalam agama.

## **RUJUKAN**

- Ab. Halim Tamuri. (2000). *A Study Of The Students' Knowledge Of Akhlak In The Malaysian Secondary Schools (With Special Reference to the Islamic Education ICSS)*. Thesis Doctor Of Philosophy, Department of Theology School of Historical Studies, United Kingdom: University of Birmingham.
- Abdullah Nasih 'Ulwan. (2008). *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Amr Khaled. (2012). *Buku Pintar Akhlak* (Terj. Fauzi Faisal Bahreisy). Indonesia: Zaman.
- Asmawati Suhid. (2007). "Pengajaran Adab dan Akhlak Islam dan Pembangunan Modal Insan" dalam *Jurnal Pusat Pengajian Umum*, 8 Disember. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia. 167-178.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, dan Nurul Ezzati Azizi. (2012). *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja: Punca dan Rawatan*. Johor: UTM Press.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin, dan Za'aba Helmi Khamisan. (2008). "Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti" dalam *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. 22-23 Oktober. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Ghazali Basri. (2012). *Falsafah Pendidikan Islam: Huraian, Konsep dan Aplikasi*. Brunei Darussalam: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.
- Jamal Abdurrahman Ismael. (2013). *Pendidikan dan Psikologi Rasulullah SAW* (Terj. Harun Arrasyid Haji Tuskan dan Abu Azka al-Madani). Selangor: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi bin Jasmi dan Siti Fauziyani bt. Md.Saleh@Masrom. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

- Kamarul Azmi bin Jasmi. (2010). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Leu Yuh-chyn. (1999). "The influences of Buddhism on an Elementary Mathematics Teacher's Professional Development" in *Proceedings of the 1999 International Conference on Mathematics Teacher Education*. Taipei, National Taiwan Normal University, 332 - 353.
- Lim Chap Sam and Paul Ernest (1997). "Values in mathematics education: what is planned and what is espoused?" In British Society for Research into Learning Mathematics (BSRLM), *Proceedings of the Day Conference*. University of Nottingham, 1 March. 37 - 44.
- Mohd Syarifudin Abdullah dan Hazman Hassan. (2010). "Keberkatan Ilmu : Teras Kecemerlangan Ilmu Dalam Pembinaan Pendidikan Islam" dalam Persidangan Serantau Pendidikan Islam (PSPI 2010). 24 - 25 Julai. Universiti Pendidikan Sultan Ismail. Hotel Holiday Inn, Shah Alam, Selangor.
- Mohd. Noor Azli b. All Khan (2003) Graduan berakhlak mulia dan beretika pemangkin generasi madani. *Jurnal Kemanusiaan*, 2 (2003). 20 - 33.
- Nor Azizah Salleh, Siti Rahayah Ariffin dan Musa Daia (2001). Penerapan Nilai Murni Melalui Pembelajaran-Kooperatif dalam Sains. *Jurnal Pendidikan* 27 (2001). 47 - 57.
- Nor Baizura Abdul Wahab. (2012). *Temu bual bersama Nor Baizura Abdul Wahab Guru Matematik Menengah Rendah*. "Penerapan nilai dan akhlak Islamiyah dalam P&P guru". Bilik Guru. 03 April 2012.
- Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh, Ab. Halim Tamuri. (2012). "Kepentingan Pengetahuan Pedagogikal Kandungan Dalam Pengajaran Ibadah" dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI 2012)*. Brunei Darussalam: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.
- Pat Cox, Thomas Geisen dan Roger Green. (2008). *Qualitative Research and Social Change*. United Kingdom: Palgrave Macmillan.
- Sharan B. Merriam. (2002). *Qualitative research in practice; example for discussion and analysis*. California; John Wiley & Sons, Inc.
- Wan Zah Wan Ali, Sharifah Kartini Said Husain, Habsah Ismail, Ramlah Hamzah, Mat Rofa Ismail, Mohd. Majid Konting dan Rohani Ahmad Tarmizi. (2005). "Kefahaman Guru Tentang Nilai Matematik" dalam *Jurnal Teknologi*. Universiti Teknologi Malaysia. 43 (E). 45 - 62.